

HARI KELUARGA PROGRAM EKONOMI KEWANGAN

Program Ekonomi Kewangan (HE07) telah menganjurkan Hari Keluarga dan Suai Mesra pada 4 Disember 2011 bertempat di Sg.Kiulu, Tamparuli, Sabah. ini merupakan salah satu aktiviti tahunan yang di anjurkan oleh program tersebut. Program tersebut diadakan khususnya untuk menguatkan silaturahim mahasiswa/i tahun 1, 2, dan 3 serta pensyarah-pensyarah dari Kelab Ekonomi Kewangan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE). Aktiviti tersebut telah berlangsung dengan meriah dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan antaranya sukaneka, cabutan bertuah, pertandingan keceriaan dan sebagainya. Turut hadir merasmikan majlis tersebut ialah Ketua Program Ekonomi Kewangan, Prof Madya Dr.Wong Hock Tsen serta beberapa orang pensyarah program terlibat. Aktiviti telah berakhir kira-kira jam 3 petang.

